



**HEXTAR HEALTHCARE BERHAD**  
**(dahulu dikenali sebagai Rubberex Corporation (M) Berhad)**  
**199601000297 (372642-U)**

**TATAKELAKUAN DAN KOD ETIKA**

**1.0 PENGENALAN**

Tatakelakuan dan Kod Etika ("Kod") ini terpakai kepada semua pekerja Hextar Healthcare Berhad (dahulunya dikenali sebagai Rubberex Corporation (M) Berhad) ("Hexcare" atau "Kumpulan") dan Syarikat subsidiarinya, serta ahli lembaga pengarah bukan eksekutif Hexcare. Kod ini membantu menjelaskan cara kami menjalankan perniagaan kami dengan menetapkan piawaian kelakuan yang tertinggi di seluruh Kumpulan. Pematuhan Kod ini adalah mandatori.

Soalan tentang cara Kod ini seharusnya digunakan, boleh dikemukakan kepada jabatan Sumber Manusia Hexcare.

Dalam keseluruhan dokumen ini, istilah "Kod" merujuk Tatakelakuan dan Kod Etika, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa. Kod menunjukkan dan menyokong visi dan nilai yang didukung oleh Hexcare.

**2.0 NILAI TERAS HEXCARE**

Kami berusaha untuk menggalakkan dan mendukung nilai ini dalam Kumpulan:-

INTEGRITI	Mengamalkan kejujuran, ketelusan dan tingkah laku beretika dalam semua tindakan dan keputusan
KESETIAAN	Dedikasi kepada Misi, masyarakat, dan satu sama lain
KERJA KERAS	Usaha dan ketabahan yang ikhlas akan sentiasa membawahkan hasil
PENGALAMAN	Keupayaan untuk membuat keputusan termaklum, menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah, dan memberikan nilai kepada pelanggan dan pihak berkepentingan
KEPINTARAN	Keupayaan untuk berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah dengan cara yang inovatif
SEMANGAT	Usaha yang gigih dan tanpa henti dalam mengejar visi kami
KERJA BERPASUKAN	Bekerja sebagai satu pasukan dalam persekitaran yang memberikan peluang untuk melibatkan diri bagi mendapatkan keputusan yang terbaik

### **3.0 PENGGUNAAN TATAKELAKUAN DAN KOD ETIKA**

Kod ini bukan dokumen yang lengkap. Kod ini menjadi bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus Kumpulan yang merangkumi piagam lembaga Hexcare, pengurusan risiko dan kawalan dalaman, pemberian maklumat serta dasar dan garis panduan lain yang terpakai kepada bidang operasi yang terperinci dalam Hexcare.

Setiap pekerja Hexcare digalakkan membaca dan memahami dokumen yang secara kolektif membentuk rangka kerja tadbir urus Kumpulan.

Hexcare menyokong piawaian etika yang tertinggi dalam menjalankan pelbagai aktiviti perniagaannya. Hal ini bukan sahaja berhubung dengan pematuhan undang-undang yang mengawal aktiviti kami, malah juga untuk terus mengekalkan dan menunjukkan integriti yang teguh dengan mengambil berat terhadap orang lain dan persekitaran di tempat kami beroperasi.

Memandangkan agak sukar untuk menerangkan tingkah laku atau piawaian khusus dalam setiap keadaan yang memerlukan penilaian etika, Kod ini berfungsi sebagai rangka rujukan untuk menerangkan piawaian dan panduan tentang keadaan dan isu yang sangat penting kepada Hexcare. Kod ini juga boleh membantu mengenal pasti masa yang sesuai untuk mendapatkan panduan daripada pengurus atau pegawai anda yang lebih tinggi berkaitan dengan perlakuan yang wajar dalam apa-apa keadaan, yang tidak dibincangkan secara khusus dalam Kod ini.

Kod ini terpakai kepada setiap pekerja Hexcare, termasuklah pekerja asing dan Kod ini boleh diterjemahkan kepada bahasa asal mereka jika perlu. Melanggar Kod ini mungkin menyebabkan pekerja dinilai sebagai menunjukkan prestasi yang lemah atau tidak memuaskan, dikenakan tindakan tatatertib, yang termasuk penamatkan kerja serta-merta dan/atau tindakan undang-undang. Setiap pekerja digalakkan membaca dan memahami Kod ini agar dapat mengetahui dengan jelas tentang harapan mereka sebagai pekerja Hexcare. Kod ini membentuk sebahagian daripada terma dan syarat pekerjaan, yang akan disemak semula secara berkala dan boleh diubah dari semasa ke semasa.

#### **3.1 Menjalankan Perniagaan dengan Jujur dan Berintegriti**

Salah satu nilai teras kami adalah menjalankan perniagaan dengan penuh integriti dan profesionalisme yang teguh. Kami mengamalkannya dengan:

- Berurusan dengan pelanggan, pembekal dan pihak lain dengan adil dan jujur;
- Bertindak sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, menghormati hak asasi manusia, bekerjasama dengan komuniti kami dan menguruskan kesan daripada perniagaan kami terhadap dunia di sekeliling kami;
- Menyimpan buku dan rekod kewangan serta buku dan rekod yang lain dengan tepat; dan
- Menghormati privasi dan komitmen yang kami berikan kepada orang lain

### **3.2 Interaksi dengan Pelanggan, Pembekal dan Pihak Lain**

Perniagaan kami dibina berdasarkan hubungan kukuh dan saling menghormati serta percaya dengan pengilang, rakan usaha sama, pelanggan, pembekal dan pihak lain. Untuk mengekalkan dan membina hubungan ini, kami melayan setiap orang yang berurusan dengan kami secara adil, jujur dan saling menghormati.

Dalam urusan pemasaran dan dalam interaksi kami dengan pelanggan dan bakal pelanggan, kami sentiasa menyampaikan produk dan perkhidmatan Hexcare dalam cara yang adil, tepat dan bertanggungjawab.

Kami menghargai hubungan kami dengan pembekal kami serta menyampaikan keperluan dan harapan kami kepada mereka tepat pada masanya dan secara telus.

### **3.3 Menjadi warga korporat yang bertanggungjawab**

Bagi kami, tanggungjawab korporat bermaksud mencapai kejayaan perniagaan melalui cara yang menunjukkan rasa hormat kepada orang lain dan seluruh dunia sambil mendukung nilai dan piawaian etika yang tinggi dalam perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan dan keselamatan alam sekitar. Kami berusaha menjadi sebahagian daripada setiap komuniti di tempat perniagaan kami beroperasi dan peka dengan kesan daripada perniagaan kami terhadap komuniti tersebut dan persekitaran di sekeliling kami.

Di Hexcare, kami:

- Memberikan peluang sama rata kepada pekerja kami di semua peringkat berhubung dengan isu seperti bangsa, jantina, umur, etnik atau kepercayaan agama, dan kami tidak akan bertolak ansur dengan tingkah laku yang tidak bermoral seperti eksplorasi kanak-kanak, penderaan fizikal, gangguan seksual, buruh paksa atau bentuk penderaan yang lain;
- Menghormati kebebasan pekerja untuk berpersatuan secara sukarela;
- Memberikan ganjaran kepada pekerja kami secara adil dan memberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka;
- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat, melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar serta menggalakkan pembangunan yang mampan;
- Peka dengan kesan daripada perniagaan kami terhadap komuniti dan bekerjasama dengan komuniti sekurang-kurangnya untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti hidup dalam komuniti tersebut; dan
- Menggalakkan amalan prinsip ini kepada mereka yang menjalankan perniagaan dengan kami.

### **3.4 Menyediakan dan menyimpan rekod kewangan dan rekod lain dengan tepat**

Rekod kewangan dan rekod perniagaan kami yang lain bukan sahaja menggambarkan tetapi juga menentukan keputusan perniagaan kami. Kami bertanggungjawab memastikan buku dan rekod Hexcare adalah lengkap, adil, tepat, kena pada masanya serta memberikan gambaran yang boleh difahami tentang operasi dan aktiviti perniagaan kumpulan.

Kami menggunakan perkhidmatan juruaudit dalam dan luar untuk memastikan cara kami menjalankan perniagaan dan menyimpan rekod selaras dengan piawaian perakaunan, industri dan dalaman yang berkaitan. Kami mestilah bekerjasama dengan juruaudit dan memastikan setiap orang yang bertindak di bawah arahan kami juga bekerjasama dengan juruaudit.

#### **4.0 Pematuhan Undang-undang dan Peraturan**

Hexcare mestilah mematuhi undang-undang negara yang berkenaan di tempat ia menjalankan perniagaannya. Kami bertanggungjawab memahami dan mematuhi undang-undang atau peraturan yang terpakai.

Jika Kod atau garis panduan syarikat berbeza daripada mana-mana undang-undang atau peraturan, kami mestilah sentiasa mematuhi piawaian yang lebih tinggi. Jika pekerja mengetahui bahawa mana-mana keperluan dalam Kod ini bercanggah dengan undang-undang, mereka digalakkan merujuk perkara ini kepada jabatan Sumber Manusia dan/atau Pengurusan.

Pelanggaran undang-undang dan peraturan memberikan kesan yang serius, sama ada sivil dan jenayah, terhadap syarikat dan individu yang terlibat. Oleh itu, apabila timbul persoalan tentang perkara ini atau perkara berkaitan dengan undang-undang yang lain, pekerja digalakkan mendapatkan panduan daripada jabatan Sumber Manusia dan/atau Pengurusan.

#### **5.0 Perdagangan Orang Dalam**

Mana-mana pekerja yang mengetahui tentang maklumat penting dan bukan awam berhubung dengan Hexcare atau mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan, tidak boleh:

- Berdagang dalam sekuriti Hexcare;
- Mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain yang mungkin membeli atau menjual sekuriti disebabkan oleh maklumat tersebut; atau
- Dengan cara lain menggunakan maklumat tersebut untuk kepentingan peribadi atau kepentingan peribadi orang lain.

#### **6.0 Harta Intelektual**

Kami mestilah menggunakan maklumat sulit Hexcare atau maklumat lain hanya untuk tujuan perniagaan dan mendedahkannya hanya kepada mereka yang diberi kuasa dan mempunyai keperluan untuk mengetahuinya. Walaupun selepas kami meninggalkan pekerjaan di Kumpulan, kami mestilah terus melindungi maklumat sulit (sama ada maklumat tentang Hexcare atau pihak lain) dan tidak menggunakan atau mendedahkannya tanpa kebenaran.

Selain itu, kami tidak boleh meminta atau menggalakkan orang lain menggunakan atau mendedahkan maklumat terlindung, proprietari atau sulit melainkan mereka diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh pemilik maklumat tersebut.

## **7.0 Komunikasi Awam**

Hanya pekerja yang diberi kuasa boleh membuat apa-apa pernyataan awam bagi pihak Hexcare, sama ada kepada media, pelabur atau dalam forum luar yang lain, termasuklah Internet. Pernyataan ini merangkumi pendedahan maklumat baharu atau sulit berhubung dengan Hexcare melalui aplikasi media sosial dan laman web. Jika seseorang pekerja dihubungi oleh wartawan atau orang awam tentang tajuk yang dia tidak diberi kuasa untuk bercakap tentangnya, dia diminta merujuk pertanyaan tersebut kepada Ketua Hal Ehwal Korporat atau Pengarah Urusan.

Apabila bercakap tentang topik perniagaan atau teknikal di tempat awam atau mengeposnya ke dalam Internet – termasuklah melalui aplikasi media sosial dan laman web – pekerja mestilah menerangkan dengan jelas bahawa mereka menyatakan pandangan mereka sendiri dan bukannya bagi pihak Syarikat, melainkan bercakap sebagai wakil Syarikat yang diberi kuasa.

## **8.0 Penerimaan hadiah dan konflik kepentingian**

Apa-apa hadiah atau keraian yang ditawarkan atau diterima hendaklah sekadar lanjutan yang munasabah daripada hubungan perniagaan. Perkara ini tidak seharusnya berlaku dengan kerap dan hendaklah berbentuk sederhana.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa prinsip yang kami tidak akan bertolak ansur:

- Kami tidak menawarkan atau menerima rasuah, iaitu apa-apa yang menyebabkan seseorang itu dikehendaki bertindak secara tidak wajar berhubung dengan perniagaan kami;
- Kami tidak menawarkan atau menerima wang tunai atau kesetaraan tunai tanpa kelulusan;
- Kami tidak akan sekali-kali menyertai apa-apa aktiviti keraian perniagaan yang akan melanggar undang-undang atau memalukan kami disebabkan oleh pendedahan awamnya;
- Kami akan berunding dengan Sumber Manusia sebelum menawarkan apa-apa barang yang bernilai kepada pegawai kerajaan atau parti politik, seperti hadiah dan keraian yang dikawal selia secara ketat dan biasanya dilarang sama sekali; dan
- Kami tidak meminta bantuan secara langsung atau tidak langsung, seperti hadiah, keraian, penajaan atau sumbangan daripada organisasi yang menjalankan perniagaan atau ingin menjalankan perniagaan dengan Hexcare.

Jika pekerja membuat atau terlibat dalam keputusan penyumberan atau pembelian untuk Hexcare, dia mestilah membuat keputusan tersebut dengan integriti yang teguh, kejujuran serta penilaian bebas dan bermatlamat. Kami mestilah mendapatkan produk dan perkhidmatan yang paling cekap, berkesan kos dan berkualiti tinggi secara teknikal serta menilainya dengan menggunakan piawaian yang konsisten dan tidak berat sebelah yang terkandung dalam dasar dan prosedur Hexcare yang terpakai. Oleh itu, kami tidak boleh menerima apa-apa hadiah, keraian atau ganjaran yang boleh

mempengaruhi atau dianggap akan mempengaruhi keputusan penyumberan dan pembelian kami.

Kami tidak membuat apa-apa hadiah atau menyediakan apa jua jenis manfaat kepada Kerajaan atau pegawai Kerajaan atau sesiapa sahaja yang dikaitkan dengan pegawai Kerajaan yang mungkin dianggap sebagai rasuah. Apabila hadiah ditawarkan, ia mestilah hadiah simbolik yang tidak boleh diberi secara kerap dan tidak bernilai atau kurang bernilai dari segi komersial serta ia seharusnya mempunyai logo syarikat yang dicap atau dicetak padanya. Hadiah yang sesuai termasuk pen, kemeja-t, cawan atau cenderamata yang serupa.

## **9.0 Melindungi Aset dan Reputasi Syarikat**

Keselamatan dan prosedur yang digunakan mestilah tersedia untuk melindungi aset fizikal syarikat daripada dicuri, hilang, rosak atau disalah guna. Kecurian, kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan aset fizikal syarikat mestilah dilaporkan kepada ketua jabatan yang berkenaan seberapa segera yang mungkin.

## **10.0 Memelihara Keselamatan Maklumat**

Kami perlu bertanggungjawab secara peribadi untuk menjaga maklumat proprietari dan sulit milik Hexcare dan pihak ketiga daripada pendedahan, perubahan atau kehilangan yang tidak dibenarkan.

Kami mestilah mematuhi semua dasar dan prosedur keselamatan syarikat, termasuklah dasar perlindungan data syarikat, bagi mengendalikan aset dan sistem maklumat untuk memastikan kami memenuhi obligasi undang-undang, melindungi reputasi kami dan melindungi pelaburan kami dalam maklumat proprietari.

## **GARIS PANDUAN AM**

Kod ini berfungsi sebagai panduan kami bagi menjalankan perniagaan dengan penuh integriti. Kod ini bukanlah kontrak pekerjaan dan tidak memberikan hak berkaitan dengan pekerjaan.

Kod ini bukanlah senarai lengkap bagi panduan syarikat. Pekerja diharapkan supaya mengetahui dan mematuhi semua garis panduan syarikat berkaitan dengan kerjanya. Pelanggaran garis panduan yang lain ini juga mungkin mengakibatkan tindakan tatatertib diambil, sehingga dan termasuklah penamatian pekerjaan.

Kod ini tersedia di laman web korporat Hexcare di [www.rubberex.com.my](http://www.rubberex.com.my).

August 2023 (dikemaskini)